



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan
di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PEGAWAI PENAKSIR TANAH KANAN (B.3)
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Tanah**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI PENAKSIR TANAH KANAN
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Business Valuation / Land Economics / Property/Real Estate Valuation / Property Management / Property Development and Valuation / Property Development and Planning / Property Law / Real Estate Finance / Real Estate Investment / Real Estate/Property Management and Administration / Plant and Machineries Valuation* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Tanah sebagai Pegawai Penaksir atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Tanah dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Menjadi ahli kepada salah satu badan daripada *Royal Institution of Chartered Surveyors (R.I.C.S)* yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah kelebihan.
4. Berkemahiran dalam *Analytical, Observational & Critical Thinking, Organizational Leadership and Strategic Thinking* dan *Management* adalah kelebihan.
5. Berpengetahuan mengenai undang-undang, dasar, peraturan, garispandu, piawaian, amalan terbaik berkaitan tanah dan kemajuan tanah.
6. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memastikan penyimpanan pengkalan data berkaitan harta tanah dengan selamat dan terkawal serta melaksanakan dasar-dasar taksiran yang berhubungkait dengan pengambilan balik tanah;
2. Meneliti kadar-kadar cukai harta tanah semasa supaya sesuai dengan keperluan dan kehendak Kerajaan;
3. Mengeluarkan piawaian-piawaian dan garis panduan-garis panduan mengenai penaksiran;
4. Mengeluarkan indeks harta tanah; dan
5. Membuat rancangan latihan dan kursus bagi Pegawai dan Kakitangan Bahagian Penaksiran.